

**Perdana Menteri Doakan Kejayaan Calon PMR  
Bernama  
1 Okt, 2013**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mendoakan kejayaan 462,940 pelajar yang akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) di seluruh negara Rabu.

"Saya mendoakan kejayaan murid-murid yang akan menduduki peperiksaan PMR bermula esok. Insya-Allah usaha yang gigih akan membuahkan hasil," katanya dalam laman Facebooknya hari ini.

PMR akan berlangsung selama enam hari mulai Rabu sehingga 9 Okt di 3,530 pusat peperiksaan di seluruh negara.

Mengenai lawatan kerjanya ke Amerika Syarikat dari 22 hingga 29 Sept lepas, Najib berkata selama berada di sana, beliau telah menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu politik antarabangsa pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

"Selain itu, Malaysia juga telah mengenal pasti beberapa sektor pelaburan dengan Amerika Syarikat dalam usaha membangunkan ekonomi negara," kata Najib, yang turut menyatakan beliau tiba di tanah air Selasa petang setelah mengadakan lawatan kerja selama seminggu di Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982216>